

Artikel

Penulisan Travelog di Alam Melayu Menurut Sorotan Literatur Bersistematik
(*Travelog in the Malay World: A Systematic Literature Review*)

Nadia Syamimi Yusof, Rahimah Hamdan* & Salmah Jan Noor Muhammad

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang

*Pengarang Koresponden: rahimahh@upm.edu.my

Diterima: 03 Mac 2025

Diserah: 04 Mei 2025

Abstrak: Kolonialisasi Barat di Alam Melayu pada abad ke-19 Masihi telah memberi kesan yang signifikan kepada nilai, pandangan hidup dan budaya masyarakatnya. Salah satu perubahan besar dalam Kesusasteraan Melayu adalah pengenalan genre travelog yang berbeza dengan kepengarangan dan bentuk Kesusasteraan Melayu Tradisional sedia ada. Misalnya antara travelog awal seperti *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* oleh Munshi Abdullah yang memperkenalkan pendekatan naratif lebih realistik berbanding karya-karya sezamannya. Namun, travelog ini tidak mendapat sambutan dalam kalangan pengarang Melayu pada ketika itu yang rata-rata menolak genre baharu tersebut. Walau bagaimanapun, akhirnya genre ini diterima oleh khalayak Melayu setelah hampir lima dekad kematian tokoh Munshi Abdullah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana travelog diterima dalam kesusasteraan Melayu dari zaman kolonial hingga kini. Dengan menggunakan kaedah tinjauan sistematik berdasarkan standard PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) menggunakan dua pangkalan data utama iaitu *Scopus* dan *Google Scholar*, sebanyak 13 artikel daripada pangkalan data *Scopus* dan *Google Scholar* telah dianalisis. Hasil kajian mendapati bahawa meskipun travelog pada awalnya dianggap asing, akhirnya mendapat tempat sebagai wadah penceritaan yang merakam pengalaman dan realiti kehidupan. Realitinya, travelog berfungsi bukan sekadar sebuah catatan perjalanan tetapi satu bentuk dokumentasi sejarah dan refleksi sosial yang berharga kepada sesebuah masyarakat.

Kata kunci: Travelog; catatan kembara; catatan rihlah; Munshi Abdullah; sorotan literatur bersistematik

Abstract: The colonisation of the Malay World by Western powers in the 19th century significantly influenced the region's cultural values, worldview, and literary traditions. One notable literary transformation was the emergence of the travelog, a genre that introduced new narrative techniques and perspectives distinct from traditional Malay literary forms. An important early example is *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* by Munshi Abdullah, which employed a realistic and introspective style rarely seen in contemporary works. Although pioneering in nature, such travelogs initially encountered resistance from Malay writers, who largely dismissed them due to their departure from established literary conventions. However, in the decades following Munshi Abdullah's death, the travelog gradually gained legitimacy and was increasingly recognised as a meaningful medium of expression. This study investigates the reception and evolution of the travelog in Malay literature from the colonial period to the present day. Using a systematic literature review based on the PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses) framework, thirteen scholarly articles were selected and analysed from the Scopus and Google Scholar databases. The review reveals that the travelog, though once viewed as foreign, ultimately found its place as a credible literary genre. It serves not only as a record of physical journeys but also as a form of historical documentation and social

commentary. Through its ability to capture personal experiences and cultural realities, the travelog has contributed significantly to the intellectual and literary development of the Malay world.

Keywords: Travelog; journey narrative; *rihlah*, Munshi Abdullah; systematic literature review

Pengenalan

Kedatangan Barat ke Alam Melayu pada mulanya adalah bertunjangkan kepada penguasaan hasil bumi. Namun, mereka mengubah hala tuju kepada kehendak untuk menguasai intelektual dan pendidikan masyarakat Melayu. Dalam usaha menguasai intelektual masyarakat Melayu, pihak Barat melabelkan seluruh kepercayaan dan pandangan alam ‘sebelum kemodenan’ sebagai lapuk dan tahyul. Mereka juga memisahkan Alam Melayu kepada dua zaman iaitu zaman tradisional dan zaman moden. Untuk mendapatkan penguasaan sepenuhnya, mereka memperalatkan masyarakat Melayu supaya rancangan mereka berjaya. Menurut Al-Attas yang dipetik oleh Mohd. Zariat Abdul Rani (2006: 333) permusuhan antara Islam dan Kristian pada mulanya dimanifestasikan dengan meluaskan wilayah dan serangan ketenteraan, namun perkara itu berubah kepada peperangan melibatkan intelektual melalui penewasan minda orang Islam oleh orang Kristian. Tokoh yang diperalatkan itu ialah Munshi Abdullah yang diberikan gelaran Bapa Kesusasteraan Melayu Moden.

Abdullah ditabalkan dengan gelaran tersebut kerana beliau dikatakan berjaya menerapkan unsur realisme atau berpijak di bumi nyata dalam penulisannya. Menurut Siti Nur Suhaili dan Rahimah Hamdan (2024) Munshi Abdullah telah memperkenalkan kemodenan dalam kesusasteraan Melayu melalui unsur realisme yang diterapkan dalam karya autobiografi dan travelog beliau. Unsur realisme ini dikatakan sebagai sebuah unsur yang bertentangan dengan kepercayaan nenek moyang dahulu yang kononnya dikatakan penuh dengan unsur magis dan tidak realistik. Unsur realisme telah diterapkan dalam beberapa penulisan beliau terutama karya travelog seperti *Hikayat Abdullah*, *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* dan *Kisah Pelayaran Abdullah ke Mekah*. Penulisan karya bergenre travelog ini merupakan galakan yang diberi oleh Alfred North.

Meskipun begitu, kesukaran memerikan peristiwa yang terjadi di sekelilingnya itu tidak membuahkan hasil yang memberangsangkan kerana penulisan beliau ditolak oleh masyarakat Melayu dan raja Melayu. Bahkan gelaran Bapa Kesusasteraan Melayu Moden yang diberikan itu juga mendapat pertikaian oleh masyarakat Melayu dan beberapa pengkaji. Antaranya, Syed Muhammad Naquib al-Attas, Mohd. Zariat Abdul Rani dan Teuuw yang dipetik dalam penulisan Hadijah Bte Rahmat. Persoalannya, adakah penolakan itu menyebabkan karya bergenre travelog telah terkubur begitu sahaja? Maka kajian ini dihasilkan dengan meneliti secara sistematik sorotan kajian lalu berkaitan travelog dalam kesusasteraan Melayu bagi mengenal pasti tema, pendekatan dan penerimaan genre ini dari zaman kolonial sehingga kini. Kaedah sorotan literatur bersistematik digunakan berasaskan model PRISMA yang meliputi tiga peringkat iaitu pengenalpastian, saringan dan kelayakan. Hasil sorotan ini akan membantu memberikan gambaran menyeluruh terhadap perkembangan dan penerimaan travelog dalam kalangan masyarakat Melayu.

1. Definisi Travelog

Menurut *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (1974:1365) ‘travelog’ adalah, ‘[...] film or lecture about travel’ yang bermakna pengembaraan atau kisah perjalanan hidup yang dimuatkan dalam bahan bertulis atau ditayangkan menerusi paparan digital. Dalam beberapa penulisan yang lain, perkataan ‘travelog’ juga disebut sebagai catatan kembara dan catatan travelog. Walaupun berbeza istilah namun perkara tersebut masih dalam ruang lingkup dan konteks yang sama. Hal ini seperti yang dapat dilihat dalam pendefinisian catatan kembara oleh Azzurin Mohd Yassin dan Mas Rynna Wati Ahmad (2018) sebagai pendokumentasian pengalaman mereka yang mengembara di seantero dunia. Travelog juga merupakan dokumen penting yang dicatatkan oleh penulis sewaktu berkunjung ke suatu tempat dengan pemaparan maklumat mengenai budaya sesebuah masyarakat yang dikunjunginya (Firuz-akhtar Lubis & Nurul Farahana Azman, 2021).

Definisi tersebut seiring dengan pendapat Burke (2010) dalam penulisannya yang mencatatkan bahawa travelog ialah sejenis dokumen diri (*ego-document*) yang ditulis daripada perspektif orang pertama dalam bentuk diari, surat dan esei untuk menggambarkan pengalaman mereka sewaktu menjelajah ke suatu tempat.

Hal ini seperti yang dinyatakan oleh (Skinner & North, 1978) bahawa travelog ialah catatan perjalanan dalam pelbagai bentuk termasuk diari atau autobiografi yang selalunya melibatkan penulis tempatan mengunjungi kawasan di luar kebiasaan budayanya. Maka ini menunjukkan bahawa karya travelog berlegar dalam ruang yang sama iaitu catatan yang dihasilkan oleh penulis ketika berkunjung ke tempat lain. Namun begitu, catatan tersebut pasti berbeza daripada segi budaya yang diamati, penekanan yang diberikan dan cabaran yang dihadapi memandangkan tempat yang dilawati berbeza mengikut individu. Namun begitu, perbezaan catatan itu masih mengarah kepada tema-tema popular yang akan dibahaskan selepas ini.

2. Penerimaan Karya Travelog di Alam Melayu

Penulisan travelog telah ditulis dan diperkenalkan oleh Munshi Abdullah atas dorongan C. Skinner. Karya beliau menjadikan elemen realisme dan kritikan terbuka sebagai plot penceritaan. Perkara tersebut telah membuatkan karya beliau tidak digemari oleh masyarakat di Alam Melayu. Pada ketika itu, masyarakat Melayu masih berpegang kuat kepada nilai tradisional. Mereka masih mempercayai perkara seperti entiti yang mendiami pokok, laut dan hutan dan perkara inilah yang dibahaskan oleh Munshi Abdullah dengan tentangan dan lantangan kuat tentang kekolotan Melayu. Lebih-lebih lagi, Munshi Abdullah mempersoalkan tentang raja dalam *Hikayat Abdullah*. Beliau menyatakan tentang raja yang tidak terbuka kepada pembaharuan, masih percaya kepada perkara tahyul, penyalahgunaan kuasa dan mereka tidak dapat memerintah dengan baik. Tentangan dan kritikan ini membawa kepada kebencian oleh masyarakat Melayu. Hal ini dibuktikan melalui pernyataan:

"Certainly his 'friends', as well as criticising him for his association with the missionaries, openly contradicted him and expressed their derisive disbelief when he occasionally retailed to them the wonders of Western scientific inventions, and he in turn despised them for their narrow-minded ignorance".

(Traill, 1981: 47)

Perkara ini memberikan kesan terhadap masyarakat Melayu kerana mereka sangat menghormati raja. Bahkan masyarakat Melayu telah berjanji untuk taat dan tidak menderhaka kepada raja. Jelaslah bahawa perkara ini mendorong masyarakat Melayu untuk berasa tidak suka terhadap Munshi Abdullah dan penulisannya. Selain itu, kadar literasi yang rendah dalam masyarakat Melayu pada ketika itu turut menjejaskan penerimaan karya travelog dalam kalangan masyarakat Melayu. Sepertimana yang diketahui, masyarakat Melayu lebih menggemari karya yang berbentuk hiburan atau *escapism* seperti hikayat atau cerita rakyat. Ani Omar dan Lajiman Janoory (2017: 37) menyatakan bahawa terlahirnya puisi yang disampaikan dalam bentuk lisan adalah kerana masyarakat Melayu tidak pandai membaca dan menulis. Maka kerana itu mereka mungkin menganggap bahawa travelog sebagai dokumen yang kurang menarik. Hal ini kerana sebelum kewujudan alat pencetak, masyarakat Melayu berhibur dengan mendengar cerita yang berbentuk fantasi seperti yang dapat dilihat di bawah:

"On the other hand, soothing stories were above all enjoyed for their beauty, rhetorical power and fantasy, which afforded momentary relief from the unpleasant realities of life, e.g. Syair Ken Tambuhan ('Poem of Lady-in-Waiting Tambuhan)'"

(Hadijah Bte Rahmat, 1999: 143)

Seterusnya, masyarakat Melayu mempunyai tanggapan yang buruk terhadap sesuatu yang dibawa oleh pihak kolonial. Kolonialisme Barat membawa naratif dan genre baharu yang mendominasi kesusasteraan pada masa itu. Sebagai contoh, travelog yang dianggap sebagai sebuah medium yang dimanfaatkan oleh pihak Barat untuk mempamerkan kehebatan mereka dan mempromosikan agenda kolonial. Menurut Ahmed Cagri Inan et al. (2024) yang mengkaji tentang pandangan Barat terhadap masyarakat Melayu melalui karya travelog, mereka mendapati bahawa Innes menunjukkan perasaan bercampur baur apabila menerangkan tentang masyarakat Melayu. Perkara ini boleh dilihat melalui petikan khas yang menunjukkan tanda-tanda berat sebelah dan hal ini menunjukkan prasangka penjajah yang amat melampau (Ahmed Cagri Inan et al, 2024). Menurut Innes yang dipetik oleh Ahmed Cagri Inan et al. (2024) secara fitrahnya masyarakat Melayu adalah

makhluk yang paling malas di muka bumi ini sehinggakan masyarakat Melayu ingin berbaring di bawah pokok pisang sepanjang hidup dan membiarkan buahnya jatuh ke dalam mulutnya. Pandangan yang melampau ini bukan sahaja dibuat oleh pihak Barat kepada masyarakat Melayu malah Munshi Abdullah sendiri dikatakan memberikan pandangan buruk terhadap masyarakatnya sendiri. Akhirnya, penerimaan yang tidak memberangsangkan pada awal kemunculannya itulah yang mencetuskan beberapa persoalan seperti adakah travelog masih diminati dan adakah penulisannya masih berjalan sehingga ke hari ini? Maka kajian ini akan menjawab persoalan tersebut melalui metodologi PRISMA yang akan digunakan selepas ini.


Sorotan Literatur

Kajian menggunakan metodologi sorotan literatur bersistematik berstandardkan PRISMA masih giat dijalankan dalam 5 tahun terkini. Antara kajian yang dilakukan ialah Icha Herawati et al. (2025), Mimi Zhao et al. (2024), Ana Shirin Razi Rabi dan Zolkepeleli Haron (2024), Nasimah Abdullah (2024), Mohammad Nurulanuar Hussin dan Jamilah Mohd Basir (2024), Siti Aishah Wan Oya dan Zaimuariffudin Shukri Nordin (2024), Nurul Afisah Hussin, Izuli Dzulkifli, Haziyah Hussin dan Hamdi Ishak (2023), Pin dan Roslinda Rosli (2023), Mohd Afifie Mohd Alwi, Azwan Abdullah dan Azyanee Luqman (2023), Nur Aina Hanis Hamzah dan Riyan Hidayat (2022), Hong dan Mohd Effendi (2020), Jen dan Mohd Effendi (2020). Walaupun kajian-kajian tersebut berfokuskan perkara yang berbeza namun pelaksanaannya adalah sama.

Kajian tersebut tetap melalui tiga peringkat utama sebelum menyorot kajian iaitu pengenalanpastian, saringan dan kelayakan. Antara pangkalan data yang digunakan ialah WOS, buku fizikal dan Ebscohost. Mereka mengenal pasti pangkalan data dan kata kunci kemudian menyaring jurnal mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Kemudian makalah yang dipilih akan dibaca dan diekstrak maklumatnya untuk melihat kaitan antara kajian. Hal ini membuktikan bahawa kaedah sorotan literatur bersistematik ini boleh digunakan sepanjang zaman untuk mencari makalah yang tepat supaya dapat menyumbang kepada kajian.

Metodologi

Bagi menjawab kedua-dua objektif, beberapa aktiviti telah dilaksanakan. Keseluruhan aktiviti ini akan ditunjukkan dalam bentuk carta alir penyelidikan seperti Rajah 1 berikut:




Rajah 1. Carta Alir Penyelidikan

1. Pengenalpastian (Identification)

Pada peringkat awal, pengenalpastian dilakukan terhadap pangkalan data. Dua pangkalan data telah dipilih iaitu Scopus dan Google Scholar. Pengaksesan terhadap Scopus dilakukan dengan memanfaatkan pangkalan data yang dilanggan oleh Universiti Putra Malaysia melalui pautan <https://ezaccess.upm.edu.my/home>. Namun begitu, terdapat keterbatasan dalam capaian kerana tidak semua dokumen diberikan akses secara terbuka (*open access*). Hal ini berbeza dengan Google Scholar memandangkan Google Scholar memberikan kemudahan kepada seluruh pengguna tidak kira negara untuk mengakses ke laman sesawang tersebut. Maka, hasil carian yang diberikan daripada kedua-dua laman sesawang tersebut adalah berbeza. Sebarang kata kunci yang dimasukkan ke dalam Google Scholar akan membawa kepada hasil carian yang banyak tidak berbanding Scopus.

Dalam proses pengenalpastian, kata kunci “travelog Melayu” dimasukkan ke dalam laman sesawang Scopus dan Google Scholar. Hasil carian mendapati sebanyak 424 dokumen tersedia melalui Google Scholar setelah dimasukkan kata kunci tersebut manakala Scopus membawa kepada tiada carian. Rajah 2 di bawah menunjukkan hasil carian berdasarkan kata kunci umum kepada yang lebih spesifik iaitu:



Rajah 2. Hasil Pencarian berdasarkan Kata Kunci

Dua sebab utama pangkalan data Scopus digunakan adalah kerana fungsi yang disediakan memudahkan pengguna. Antaranya, fungsi untuk mengehadkan hasil carian dengan membataskan kepada bidang yang dimahukan, bahasa yang difahami dan tahun yang diingini. Di samping itu, Scopus merupakan sebuah pangkalan data yang memaparkan carian yang tepat mengikut kata kunci yang dimasukkan. Buktinya, tiga hasil carian telah diperolehi melalui kemasukan kata kunci “*Malay AND travelogue*”. Pada mulanya, perkataan “travelog Melayu” dimasukkan namun tiada penemuan jurnal melalui kemasukan kata kunci tersebut. Google Scholar juga menyediakan fungsi khas, iaitu carian lanjut (*advanced search*) untuk

memudahkan pengguna mendapatkan hasil carian yang tepat. Dalam Jadual 1 di bawah menunjukkan ruangan with *all of the words* diisi dengan kata kunci “travelog dalam kesusasteraan Melayu”.

Jadual 1. Kata Kunci Carian mengikut Pangkalan Data	
Scopus	TITLE-ABS-KEY (“travelog” OR “travelogue”) AND (“Melayu” OR “Malay”)
Google Scholar	travelog dalam kesusasteraan Melayu

Sumber: Scopus dan Google Scholar

Pencarian artikel ini turut memfokuskan kepada artikel yang menjadikan penulisan tahun 1880-an sebagai topik perbincangan. Antaranya *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* (1838), *Hikayat Abdullah* (1849) dan *Kisah Pelayaran Abdullah ke Mekah* (1858) seperti yang dapat dilihat dalam bahagian perbincangan. Pencarian artikel ini turut merangkumi tahun 2024 dengan fokus kepada penulisan akademik berbahasa Melayu dan Inggeris yang membincangkan travelog dalam konteks Alam Melayu. Justifikasi tempoh masa ini adalah untuk melihat perkembangan genre travelog dari era awal kemunculannya dalam kajian moden hingga ke dekad semasa, sekaligus mengenal pasti perubahan naratif dan pendekatan yang digunakan oleh sarjana.

2. Saringan (*Screening*)


Pada peringkat ini, hasil carian yang diperolehi telah melalui proses saringan. Untuk memudahkan proses saringan, artikel jurnal dilihat pada tajuknya turut dilihat sama ada penulisan tersebut ditulis dalam bahasa yang difahami atau tidak. Pada peringkat ini penulisan yang tidak berkaitan dengan travelog akan dikecualikan dari memasuki peringkat seterusnya. Di samping itu, hasil carian yang bukan artikel jurnal juga dikecualikan seperti yang dapat dilihat pada Jadual 2 berikut:

Jadual 2. Saringan dalam Sorotan Kajian		
Perkara	Kemasukan	Pengecualian
Bidang	Bidang sastera, kemanusiaan dan sains sosial	Selain daripada bidang yang ditetapkan
Jenis Penerbitan	Artikel jurnal	Prosiding persidangan, keratan akhbar, buku, bab dalam buku dan tesis
Bahasa	Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Indonesia	Selain daripada bahasa yang disebutkan
Fokus dapatan	Berkaitan dengan travelog Melayu	Artikel jurnal yang tidak berkaitan dengan travelog

Artikel yang bersifat naratif peribadi, bahan blog dan bukan akademik telah dikecualikan kerana artikel tersebut mungkin bersifat bias dan mungkin ditulis mengikut emosi dan perasaan. Daripada sejumlah 99 artikel yang diperoleh hanya 13 artikel memenuhi semua kriteria kelayakan dan diteruskan ke peringkat seterusnya.

3. Kelayakan (*Eligibility*)

Dalam peringkat ini, sejumlah 13 jurnal telah melepasi peringkat kelayakan kerana menepati fokus kajian dan melepasi perkara yang ditetapkan pada peringkat saringan. Untuk mengetahui sama ada jurnal tersebut bertepatan atau tidak, abstrak pada jurnal tersebut dibaca terlebih dahulu. Setelah itu, pembacaan dilakukan terhadap isi kandungan jurnal untuk mengenal pasti tema utama, objektif kajian, kerangka teori dan dapatan. Pembacaan ini akhirnya membawa kepada jurnal yang menepati topik kajian. Proses bagi mendapatkan jurnal yang bertepatan ini telah dirangka seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 3 di bawah:




Rajah 3. Pengenalpastian Kajian melalui Pengkalan Data dan Daftar

Jadual 3. Jurnal yang telah dikenalpasti menepati fokus kajian

Bil.	Pengarang	Tajuk	Karya travelog yang dikaji	Tema travelog
1.	Rahimah Hamdan, Arba'ie Sujud & Nik Nur Hasmiru Husna Bahari	2019 Abdullah Munshi sebagai watak tertawan dalam travelognya <i>Kisah Pelayaran Abdullah</i>	<i>Kisah Pelayaran Abdullah</i>	Realisme dan kritikan sosial
2.	Rahimah Hamdan	2020 Sumbangan Mohd. Said Sulaiman sebagai penyunting travelog <i>Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi</i>	<i>Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi</i>	Realisme dan kritikan sosial
3.	Nur Asyiqin Zohkarnain & Firuz-Akhtar Lubis	2021 Persepsi Sayyid Qutb terhadap paderi di Amerika Syarikat dalam travelognya <i>Amerika Allati Ra'ytu</i>	<i>Amerika Allati Ra'ytu</i>	Keagamaan dan spiritual
4.	Iankovskaia	2020 At the Edge of the World of Islam Ibn Battūta in the Malay Archipelago	Catatan kembara Ibnu Battuta	Pengembaraan dan ekspresi kebudayaan
5.	Ahmed Cagri Inan, Sivachandralingam Sundara Raja & Noraini Mohamed Hassan	2024 British travellers' perspective on the people of the Malay Peninsula in the 19th century	<i>The Golden Chersonese And The Way Thither</i> (1883) oleh Isabella Bird, <i>The</i>	Pengembaraan dan ekspresi kebudayaan


				<i>Chersonese With The Gilding Off</i> oleh Emily Innes dan <i>To Siam And Malaya In The Duke Of Sutherland's Yacht 'Sans Peur'</i> oleh Florence Caddy	
6.	Firuz-akhtar Lubis & Nurul Farahana Azman	2021	<i>Aspek akhlak berdasarkan konsep pembangunan insan dalam travelog Pelukis Jalanan dan Arkitek Jalanan karya Teme Abdullah</i>	<i>Pelukis Jalanan dan Arkitek Jalanan</i> (2016) dan <i>Arkitek Jalanan</i>	Pembangunan diri dan inspirasi
7.	Nurhidayah Amni Mohd Zaini & Firuz-Akhtar Lubis	2022	Tawakal semasa musibah dalam travelog <i>Biniku Ninja</i> karya Azlan Andi	<i>Biniku Ninja</i>	Pembangunan diri dan inspirasi
8.	Nurul Zafirah Zakaria & Firuz Akhtar Lubis	2024	The Travelogues of Abdullah Munshi: A retrospective study	<i>Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan</i> (1838), <i>Hikayat Abdullah</i> (1849) dan <i>Kisah Pelayaran Abdullah ke Mekah</i> (1858)	<i>Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan dan Hikayat Abdullah: Realisme dan kritikan sosial</i>
9.	Islahuddin Ismail & Firuz-Akhtar Lubis	2022	Muhammad As-Saffar: pengembara Maghribi ke Perancis pada abad ke-19m dan travelognya "Al-Rihla Al-Tetuania Ila Ad-Diyar Al-Faransia"	<i>Al-Rihla Al-Tetuania Ila Ad-Diyar Al-Faransia</i>	<i>Kisah Pelayaran Abdullah ke Mekah: Keagamaan dan spiritual</i>
10.	Azzurin Mohd Yassin & Mas Rynna Wati Ahmad	2018	Konsep jati diri melayu dalam puisi catatan kembara "Nota Kecil Menyeberang Usia"	<i>Nota Kecil Menyeberang Usia</i>	Pembangunan diri dan inspirasi
11.	Muhammad Iman Mohd Zaini & Firuz-Akhtar Lubis	2022	Michael Wolfe dan travelog hajinya "The Hadj: An American's Pilgrimage To Mecca"	<i>The Hadj: An American's Pilgrimage To Mecca</i>	Keagamaan dan spiritual
12.	Ismail Che Daud	n.d.	<i>Kisah Pelayaran Abdullah: Analisis fakta dan pentarikan</i>	<i>Kisah Pelayaran Abdullah</i>	Realisme dan kritikan sosial
13.	Nurul Zafirah Zakaria & Firuz-Akhtar Lubis	2022	Karya-karya pengembaraan Abdullah Munshi serta kajian terhadapnya: Satu tinjauan awal	<i>Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan</i> (1838), <i>Hikayat Abdullah</i> (1849) dan <i>Kisah Pelayaran Abdullah ke Mekah</i> (1858)	<i>Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan dan Hikayat Abdullah: Realisme dan kritikan sosial</i>
					<i>Kisah Pelayaran Abdullah ke Mekah: Keagamaan dan spiritual</i>

Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat empat (4) tema utama berdasarkan sorotan kajian secara sistematik 'travelog' iaitu keagamaan dan spiritual, pembangunan diri dan inspirasi, pengembaraan dan ekspresi kebudayaan serta realisme dan kritikan sosial seperti yang dipetakan dalam Rajah 4 berikut:



Rajah 4. Empat Tema Utama Sorotan terhadap 'Travelog'

Kemudian, tema-tema tersebut dijadikan dalam bentuk carta bar seperti yang dapat dilihat berdasarkan Rajah 5 di bawah. Carta bar ini menunjukkan bahawa majoriti artikel yang disorot memaparkan tema realisme dan kritikan sosial diikuti dengan tema keagamaan dan spiritual. Kemudian, tema pembangunan diri dan inspirasi serta pengembaraan dan ekspresi kebudayaan membawa kepada taburan yang sama.



Rajah 5. Taburan Tema Utama dalam 13 Artikel Travelog Melayu

Perbincangan

Secara keseluruhan, analisis terhadap 13 artikel utama menunjukkan bahawa genre travelog dalam kesusasteraan Melayu telah berkembang daripada catatan perjalanan konvensional kepada bentuk penulisan reflektif, kritikal dan mendalam. Justeru itu membuktikan bahawa travelog telah diterima baik dalam kalangan masyarakat sehingga disesuaikan dengan tema-tema yang lebih dekat dengan pembaca masa kini. Penyesuaian tema ini mencerminkan perubahan dalam keperluan ekspresi budaya serta kesedaran sosial penulis-penulisnya. Sejak era Munshi Abdullah, travelog telah menjadi medium yang efektif dalam menyampaikan pandangan sosial dan kritikan terhadap struktur masyarakat. Pendekatan realisme yang diketengahkan membuka jalan kepada naratif berasaskan pengalaman peribadi yang jujur dan terbuka. Sebagai contoh, karya *Hikayat Abdullah* memaparkan masyarakat Melayu yang sikapnya rajin dan sesetengahnya yang dilabelkan sebagai pemalas. Sikap yang disebut oleh Munshi Abdullah ini adalah berdasarkan pengamatannya ketika berhijrah.

Namun begitu seiring perubahan masa, penulis mula memfokuskan kepada tema tertentu dengan memuatkan mengenai perbezaan budaya, perkara yang dipelajari semasa mengembara dan bagaimana mereka mengekalkan jati diri sewaktu berada di negara orang. Hal ini selari dengan peningkatan kesedaran spiritual dan pencarian makna hidup dalam kalangan masyarakat moden. Tema-tema yang dibawa ini akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

Pembangunan Diri Dan Inspirasi

Pembangunan diri dan inspirasi merupakan tema yang dapat dilihat dalam beberapa karya travelog seperti yang disebut di atas. Penulis berusaha menghasilkan sebuah penulisan yang memaparkan cabaran yang dihadapi oleh mereka terutamanya sewaktu berada di luar negara. Hidup perantauan akan menggoyahkan jati diri pengembara kerana berlakunya interaksi dan komunikasi dengan masyarakat baru. Sepertimana yang diperjelaskan, setiap masyarakat mempunyai budaya dan adat resam yang berbeza malah cara mereka dibesarkan juga berbeza. Maka hal ini akan menguji prinsip dan jati hidup pengembara sama ada akan mengikut atau menilai dahulu perkara yang boleh dijadikan teladan dan perkara yang boleh diambil sebagai iktibar. Sebagai contoh, mereka yang belajar di luar negara mempunyai kebebasan untuk masuk dan keluar dari rumah bukan mahram, namun perkara ini dianggap amalan yang bercanggah di Malaysia kerana keterbatasan aurat dan interaksi antara lelaki dan perempuan.

Perbezaan gaya hidup di luar negara meningkatkan kecenderungan individu yang merantau ke luar negara untuk menulis tentang cara mereka menangani masalah dan cara mereka beradaptasi dengan dunia luar. Antaranya travelog yang dipetik dalam kajian Firuz-akhtar Lubis dan Nurul Farahana Azman pada tahun 2021. Travelog tersebut merupakan hasil penulis kontemporari iaitu Teme Abdullah bertajuk *Pelukis Jalanan* dan *Arkitek Jalanan*. Kedua-dua penulisan ini dilihat menepati prinsip keenam Teori Takmilah yang menunjukkan bahawa penulis iaitu Teme Abdullah mengamalkan sikap syukur, tawakal, sabar, sikap merendah diri, sikap tekad dan muhasabah diri ketika tinggal di luar negara. Bahkan kajian oleh Nurhidayah Amni Mohd Zaini dan Firuz-Akhtar Lubis (2022) turut memaparkan mengenai pengembara yang sering tawakal ketika menghadapi sebarang rintangan. Tawakal yang dipaparkan dalam kajian tersebut adalah seperti tawakal ketika kehilangan barang, tawakal ketika kecemasan dan sebagainya. Malah Azzurin Mohd Yassin dan Mas Rynna Wati Ahmad (2018) dalam kajiannya mendapati bahawa Fahd Razy dalam catatannya mencerminkan individu yang berjaya mengekalkan jati diri walaupun berada jauh di negara orang. Hal ini menunjukkan tren penulisan yang memfokuskan kepada cara individu dalam menangani masalah bukan membicarakan soal masyarakat yang ditemukan di negara yang dirantau.

Keagamaan Dan Spiritual

Seterusnya, tema keagamaan dan spiritual sering menjadi elemen utama dalam travelog terutamanya apabila penulis mendokumentasikan tentang perjalanan melaksanakan ibadah haji dan aktiviti keagamaan lain seperti mengingati suruhan Allah sewaktu berada di luar negara. Tema ini bukan sahaja menggambarkan perjalanan fizikal tetapi juga perjalanan jiwa melalui pencarian makna hidup, cara penulis mendekatkan diri kepada Tuhan dan kesedaran rohani tentang perbezaan agama yang dipraktikkan di negara lain. Sebagai contoh, *Amerika Allati Ra'ytu* oleh Sayyid Qutb menceritakan pemerhatiannya terhadap budaya Amerika daripada perspektif Islam dengan membandingkan nilai moral Barat dan Islam. Travelog bukan sahaja mengangkat tempat-tempat baru tetapi travelog juga berfungsi untuk memahami identiti diri dan hubungan dengan Tuhan. Misalnya, *Kisah Pelayaran Abdullah ke Mekah* oleh Munshi Abdullah menggambarkan perjalanan haji ke Mekah dan pengamatan beliau terhadap masyarakat Arab. Menurut Lisda Mohd Amin @ Lisda Bte Abdullah (2014) ibadah haji bukan sahaja mendidik jiwa tentang keagungan Tuhan malah menunjukkan satu bentuk kebergantungan seorang hamba kepada Penciptanya dan meletakkan kedudukan seorang hamba pada tempatnya. Travelog *The Hadj: An American's Pilgrimage to Mecca* oleh Michael Wolfe turut menceritakan tentang perjalanan seorang Muslim dari Amerika dalam menunaikan haji buat pertama kali.

Pengembaraan dan Ekspresi Kebudayaan

Di samping itu, travelog sering digunakan untuk membandingkan nilai keagamaan antara masyarakat yang berbeza. Sebagai contoh, Islahuddin Ismail dan Firuz-Akhtar Lubis (2022) telah menjalankan sebuah kajian

terhadap travelog *Al-Rihla Al-Tetuania Ila Ad-Diyar Al-Faransiyya* yang membandingkan Islam di dunia Arab dengan budaya Kristian di Perancis. Penulis melihat persamaan dan perbezaan dalam amalan keagamaan serta bagaimana kepercayaan membantu dalam kehidupan harian. Walaupun Islam dipraktikkan berbeza mengikut masyarakat dan tempat, namun kita tidak boleh menafikan kepentingan Islam dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, peristiwa sekularisasi di Turki semasa pemerintahan Mustafa Kemal Atatürk membuktikan bagaimana berlakunya pemisahan agama daripada struktur negara. Dalam konteks ini, penulisan travelog yang menyentuh soal keagamaan berperanan penting dalam memperkukuh kesedaran rohani dan identiti Muslim terutamanya dalam menghadapi persekitaran budaya yang berbeza. Mahmud Ishak (2014) menyatakan tentang berlakunya revolusi oleh kaum muda Turki semasa pemerintahan Mushthâfa Kemal Pasya yang membawa kepada penghapusan khalifah dan pengguguran agama Islam daripada agama rasmi negara tersebut. Tambahnya lagi, ekoran isu itu syariat Islam telah dihapuskan daripada menjadi sumber hukum tertinggi negara dan akhirnya Turki menjadi sebuah negara republik sekular yang memisahkan agama daripada urusan negara (Mahmud Ishak, 2014).

Realisme dan Kritikan Sosial

Selanjutnya, tema realisme dan kritikan sosial merupakan tema yang boleh dijumpai dalam rata-rata penulisan travelog. Hal ini kerana definisi travelog itu sendiri yang membawa maksud penulis mendokumentasikan pengalaman hidup mereka iaitu suatu kebenaran kerana pengalaman itu dialami sendiri. Melalui penulisan travelog ini, penulis menunjukkan pengamatan terhadap peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka, pemerhatian mendalam dan refleksi terhadap isu-isu yang berlaku di tempat yang dilawati. Sebagai contoh, *Hikayat Abdullah* mencatat realiti masyarakat Melayu pada abad ke-19 termasuk kelemahan dalam pendidikan dan pemerintahan raja-raja Melayu. Menurut Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Washima Che Dan (2019: 111) beberapa istilah seperti 'realiti', 'realistik', 'realitas' dan 'real' yang bertitiktolakkan realisme muncul dan diguna pakai dan 'pengalaman [sendiri]' turut terlibat dalam gugusan istilah ini sebagai keperluan asas bagi merealisasikan 'realiti'. Penulisan mengenai realiti kehidupan ini selalunya membawa kepada penulis atau pengembara untuk cenderung mengkritik dan memberi komentar terhadap perkara yang dilihat. Maka kerana itu terdapat travelog yang dimanfaatkan mediumnya untuk mengkritik sistem pemerintahan yang lemah, ketidakadilan sosial dan penindasan politik. Penulis travelog yang berani sering menyoroti kelemahan pemerintah atau masyarakat sehingga kadangkala menyebabkan karya mereka menjadi kontroversi. Munshi Abdullah dalam *Hikayat Abdullah* mengkritik raja-raja Melayu yang malas dan kurang berpendidikan serta mengutuk sikap rakyat yang terlalu taat tanpa berani membantah kezaliman. Perkara ini dibuktikan melalui pernyataan Putten mengenai Abdullah yang dapat dilihat di bawah:

"Munshi Abdullah is a controversial figure in the history of Malay writing, and opinions about him have varied through time from the extremes of champion of Malay modern thinking to despised collaborator of colonial powers who sold his soul to the missionaries."

(Putten, 2006: 407 & 410)

Di samping itu, terdapat artikel jurnal yang memaparkan tentang karya travelog yang dihasilkan oleh isteri kepada kolonial Barat iaitu Isabella Bird, Emily Innes dan Florence Caddy. Menurut Ahmed Cagri Inan et al. (2024) Isabella Bird dan Emily Innes menceritakan tentang penduduk setempat dalam karya travelog mereka manakala Florence Caddy menceritakan tentang keturunan raja. Ibnu Battuta turut menghasilkan catatan kembara di mana beliau menceritakan juga tentang kehidupan bukan Islam (Iankovskaia, 2020). Hal ini menunjukkan bahawa karya travelog itu hasilnya diputuskan sendiri oleh penulis. Penulis bebas memilih kebudayaan, penceritaan dan sebarang permasalahan di dalam penulisan mereka.

Secara ringkasnya, 13 artikel yang dipetik ini membahaskan mengenai karya travelog yang didasarkan kepada realisme iaitu penulisan realistik mengenai kehidupan dan perkara yang dialami dan dilihat oleh penulis ketika mengembara. Namun begitu, tema yang ditampilkan itu berbeza mengikut fokus penulisan. Munshi Abdullah yang dikatakan sebagai penulis awal travelog memfokuskan kepada penghasilan penulisan yang sarat mengkritik masyarakat Melayu dan raja Melayu. Perkara ini tidak disukai oleh masyarakat Melayu kerana beliau turut memburukkan institusi raja yang sekian lama ditaati oleh masyarakat Melayu. Maka ini menjadikan penulisan travelog tidak diterima oleh masyarakat Melayu seperti yang dijelaskan dalam bahagian


penerimaan karya travelog. Namun begitu dari tahun ke tahun karya travelog mencatatkan kenaikan dari segi penghasilan dan penerimaannya dalam kalangan pembaca. Teme Abdullah menjadi salah seorang penulis travelog yang mendapat perhatian ramai. Beliau berjaya menghasilkan karya travelog yang memaparkan cara beliau beradaptasi dengan kehidupan di negara lain. Hal ini telah dibicarakan dalam bahagian pembangunan diri dan inspirasi. Tema lain yang turut diangkat adalah tema berkaitan keagamaan iaitu penulis menceritakan tentang perbezaan agama Islam yang dilihat di negara lain.

Justeru itu, kajian membuktikan bahawa penulisan travelog masih berlangsung di merata dunia dengan kemunculan pelbagai penulisan yang merangkumi beberapa tema. Malahan carian mengenai travelog di *Google Trend* juga membuktikan bahawa travelog tetap dijadikan bacaan dan sumber rujukan oleh masyarakat di setiap pelosok tempat. Hal ini dapat dilihat melalui data di bawah:



Rajah 6. Data Travelog 5 tahun terkini
Sumber: *Google Trend* (2025)

Data tersebut memaparkan carian mengenai travelog yang terjadi dalam lingkungan 5 tahun ini. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat kini meminati travelog dan berusaha mendapatkan maklumat mengenai tempat baru yang bakal dikunjungi atau belum dikunjungi menerusi *Google*. Antara carian mengenai travelog yang dilakukan oleh mereka adalah seperti di bawah:



Rajah 7. Data carian Travelog
Sumber: *Google Trends* (2025)

Jelaslah bahawa, karya travelog atau penulisan berkaitan travelog telah diterima baik dalam kalangan masyarakat Melayu dan masyarakat di serata dunia.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian lalu mengenai travelog ini diperoleh menggunakan teknik sorotan literatur bersistematik standard PRISMA. Terdapat tiga peringkat utama PRISMA yang dilalui bagi mendapatkan jawapan untuk menjawab objektif pertama, iaitu pengenpastian, saringan dan yang disertakan. Pada

peringkat awal, pengenalpastian dilakukan terhadap kata kunci yang hendak digunakan dan sumber. Akhirnya, kata kunci ‘travelog dalam kesusasteraan Melayu’ dimasukkan ke dalam pangkalan data Google Scholar manakala kata kunci *Malay travelogue* dimasukkan ke dalam Scopus. Setelah mendapatkan sejumlah artikel, artikel tersebut disaring menggunakan kayu ukur yang ditetapkan iaitu hanya memilih bidang berkaitan sastera dan sains sosial, memfokuskan hanya kepada penulisan travelog, membataskan kepada bahasa yang difahami iaitu bahasa Melayu, bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris serta hanya memilih artikel jurnal sahaja.

Setelah melepasi peringkat kedua iaitu kelayakan sejumlah 13 jurnal telah dipilih yang berkait dengan travelog Melayu. Kemudian setiap artikel jurnal tersebut dibaca dan pembacaan inilah yang memberikan jawapan kepada objektif kedua sekaligus menjawab permasalahan kajian. Jurnal yang dipilih tersebut telah membuktikan bahawa banyak penulisan genre travelog yang dihasilkan walaupun penulisan travelog Munshi Abdullah ditentang pada awalnya. Penulisan travelog masih berkembang dari dahulu sehingga kini walaupun penceritaannya berbeza antara satu sama lain. Kajian mengenai karya travelog juga giat dilakukan dalam 5 tahun terkini sekaligus membuktikan travelog telah mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melayu.

Penghargaan: Penghargaan kepada semua yang telah terlibat menjayakan penyelidikan ini terutama staf Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia dan Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Konflik Kepentingan: Tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan penerbitan makalah ini. Segala dapatan, perbincangan dan kesimpulan adalah sepenuhnya hasil kajian pengarang dan tidak dipengaruhi oleh sebarang kepentingan peribadi pengarang.

Rujukan

- Ahmed Cagri Inan, Sundara Raja, S., & Noraini Mohamed Hassan. (2024). British travellers' perspective on the people of the Malay peninsula in the 19th century. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 12(1), 3–13. <https://doi.org/10.17576/jatma-2024-1201-01>
- Ana Shirin Razi Rabi, & Zolkepli Haron. (2024). Instrumen literasi pentaksiran terbeza guru dalam konteks pendidikan di Malaysia: Sorotan Literatur Bersistematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(6), e002847. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i6.2847>
- Ani Omar, & Lajiman Janoory. (2017). Jati diri orang Melayu menerusi novel Malaisie karya Henri Fauconnier. *Jurnal Peradaban Melayu*, 12, 28–39.
- Azzurin Mohd Yassin, & Mas Rynna Wati Ahmad. (2018). Konsep jati diri Melayu dalam puisi catatan kembara “Nota Kecil Menyeberang Usia.” *Jurnal Melayu*, 17(2), 299–311.
- Burke, P. (2010). The Cultural History of the Travelogue. *PRZEGŁAD HISTORYCZNY*, 1–11.
- Firuz-akhtar Lubis, & Nurul Farahana Azman. (2021). Aspek akhlak berdasarkan konsep pembangunan insan dalam travelog Pelukis Jalanan dan Arkitek Jalanan karya Teme Abdullah. *Malay Literature*, 34(2), 281–314. [https://doi.org/10.37052/ml34\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/ml34(2)no7)
- Hadijah Bte Rahmat. (1996). *In search of modernity - A study of the concepts of literature, authorship and notions of self in “traditional” Malay literature*. University of London.
- Hadijah Bte Rahmat. (1999). Roaming through seductive gardens: Readings in Malay narrative by G. L. Koster. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 72(1), 273.
- Iankovskaia, A. (2020). At the edge of the world of Islam Ibn Battūta in the Malay Archipelago. *Entangled Religions*, 11(5). <https://doi.org/10.46586/ER.11.2020.8673>
- Icha Herawati, Suazana Mohd Hoesni, Jamiah Manap, & Nor Azzatunnisak Mohd Khatib. (2025). A systematic literature review of factors influencing marital readiness. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 22(1), 181–192. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2201.14>
- Islahuddin Ismail, & Firuz-Akhtar Lubis. (2022). Muhammad As-Saffar: Pengembara Maghribi ke Perancis pada abad ke-19M dan travelognya “Al-Rihla Al-Tetuania Ila Ad-Diyar Al-Faransia.” In Norhayati Che Hat, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Zanirah Wahab, Mohd Faradi Mohamed Ghazali, & Nazilah Mohamad (Eds.), *International Conference on Malay, Arabic and English Literature 2022* (pp. 22–33). Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UniSZA. <https://www.unisza.edu.my/icmael>

- Ismail Che Daud. (n.d.). *Kisah Pelayaran Abdullah: Analisis fakta dan pentarikhan*.
- Jen, S. W., & Mohd Effendi @ Ewan Matore. (2020). Keberkesanan Penggunaan Google Classroom dalam pendidikan: Sorotan Literatur Bersistematik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 39–53. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Liew, P. H., & Mohd Effendi@Ewen Mohd Matora. (2020). Persepsi dalam penggunaan Flipped Classroom dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (Pdpc): Sorotan literatur bersistematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 188–200. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.565>
- Lisda Mohd Amin @ Lisda Bte Abdullah. (2014). *Travelog Melayu: Suatu Pengembaraan Intelektual dan Spiritual*. National University of Singapore.
- Mahmud Ishak. (2014). *Hubungan antara agama dengan negara dalam pemikiran Islam*. X(2), 109.
- Mimi Zhao, Nor Ba`Yah Abdul Kadir, & Muhammad Ajib Abd Razak. (2024). A systematic review on the prevalence and risk factors of depression among Chinese undergraduate students. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 21(3), 286–307. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2103.23>
- Mohammad Nurulnazar Hussin, & Jamilah Mohd Basir. (2024). Keberkesanan pembangunan modul kemahiran membaca kanak-kanak prasekolah: Sorotan literatur bersistematik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 13(1), 116–128. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.1.10.2024>
- Mohd Afif Mohd Alwi, Azwan Abdullah, & Azyanee Luqman. (2023). Pengurusan hutang kad kredit – Sorotan literatur bersistematik daripada 2010-2020. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 10(1), 17–34. <https://doi.org/10.11113/umran2023.10n1.588>
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2006). Kehadiran Barat dan kesannya terhadap kesusasteraan Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 330–361.
- Muhammad Iman Mohd Zaini, & Firuz-Akhtar Lubis. (2022). Michael Wolfe dan travelog hajinya “The Hadj: An American’s Pilgrimage to Mecca.” In Norhayati Che Hat, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Mohd Shahrizal Nasir, Zanirah Wahab, Mohd Faradi Mohamed Ghazali, & Nazilah Mohamad (Eds.), *International Conference on Malay, Arabic and English Literature 2022* (pp. 715–723). Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UniSZA. <https://www.unisza.edu.my/icmael>
- Nasimah Abdullah. (2024). Sorotan literatur bersistematik terhadap terjemahan Majāz al-Quran kepada bahasa Melayu. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(2), 1–15. <https://doi.org/10.24191/jcis.v10i2.2>
- Nur Aina Hanis Hamzah, & Riyan Hidayat. (2022). Peranan perisian Geogebra dalam pendidikan Matematik: Sorotan literatur bersistematik. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 12(1), 24–38. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol12.1.3.2022>
- Nur Asyiqin Zohkarnain, & Firuz-Akhtar Lubis. (2021). Persepsi Sayyid Qutb terhadap Paderi di Amerika Syarikat dalam Travelognya Amerika Allati Ra’ytu. *Islamiyyat*, 43(1), 173–184. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-4301-15>
- Nurhidayah Amni Mohd Zaini, & Firuz-Akhtar Lubis. (2022). Tawakal semasa musibah dalam Travelog Biniku Ninja karya Azlan Andi. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 153–169. <https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.2.687>
- Nurul Afisah Hussin, Izuli Dzulkifli, Haziyyah Hussin, & Hamdi Ishak. (2023). Sorotan literatur bersistematik kesan bacaan al-Quran sebagai terapi kepada orang kurang upaya (Systematic literature review on the effects of al-Quran recitation as therapy for people with disabilities). *JQSS-122 JQSS-Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 7, 122–137.
- Nurul Zafirah Zakaria, & Firuz Akhtar Lubis. (2024). The Travelogues of Abdullah Munshi: A retrospective study. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(6), 377–389. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v14-i6/21555>
- Nurul Zafirah Zakaria, & Firuz-Akhtar Lubis. (2022). Karya-karya pengembaraan Abdullah Munshi serta kajian terhadapnya: Satu tinjauan awal. In Norhayati Che Hat, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Mohd Shahrizal Nasir, Zanirah Wahab, Mohd Faradi Mohamed Ghazali, & Nazilah Mohamad (Eds.), *International Conference on Malay, Arabic and English Literature 2022* (pp. 665–675). Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UniSZA. <https://www.unisza.edu.my/icmael>

- Pin, N. A., & Roslinda Rosli. (2023). Sorotan literatur bersistematik: Penggunaan Perisian GeoGebra dalam pembelajaran Geometri. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 13(1), 64–78. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol13.1.6.2023>
- Putten, J. Van Der. (2006). Abdullah Munsyi and the missionaries. *Bijdragen Tot de Taal-, Land-En Volkenkunde*, 407–440.
- Rahimah Hamdan. (2020). Sumbangan Mohd. Said Sulaiman sebagai penyunting travelog Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 21–47.
- Rahimah Hamdan, Arba'ie Sujud, & Nik Nur Hasmiru Husna Bahari. (2019). Abdullah Munshi sebagai watak tertawan dalam travelognya Kisah Pelayaran Abdullah. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 63–76. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.28005>
- Sim, H. C., & Siti Mistima Maat. (2022). Sorotan Literatur Bersistematik: Faktor yang mempengaruhi keseimbangan matematik dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(9), e001790. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1790>
- Siti Aishah Wan Oya, & Zaimuariffudin Shukri Nordin. (2024). Sikap guru sekolah rendah terhadap pentaksiran untuk pembelajaran: Sorotan literatur bersistematik. *International Journal of Future Education and Advances (IJFEA)*, 1.
- Siti Nur Suhaili, & Rahimah Hamdan. (2024). Unsur realisme menurut kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah dalam Syair Muhammad Salleh. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(4), 1–21.
- Skinner, C., & North, A. (1978). Transitional Malay literature: Part 1 Ahmad Rijaluddin and Munshi Abdullah. *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde*, 466–487.
- Traill, H. F. O. B. (1981). Aspects of Abdullah “Munshi.” *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 54(3), 35–56.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir, & Washima Che Dan. (2019). Pemartabatan “realiti” dan “realisme” ke status konvensi sastera dalam kesusasteraan Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(2). <http://www.bitarajournal.com>